

Cuepacs tolak Faedah Pencen Bercarum

BH-13/2/2007

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Majlis Kongres Cuepacs yang bermesyuarat semalam, sebulat suara menolak skim Faedah Pencen Bercarum (FPB) dicadangkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) membabitkan kakitangan awam baru.

Persidangan dihadiri 140 ahli Majlis Kongres selama hampir empat jam itu, turut mengulangi pendirian menolak pelaksanaan ujian Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) tetapi menerima cadangan umur persaraan kakitangan awam dilanjutkan kepada 60 berbanding 56 tahun.

Presidennya, Omar Osman, berkata penolakan FPB dibuat selepas perbincangan panjang lebar mendapati skim berkena-

an tidak menyediakan pakej yang lebih baik kepada kakitangan awam baru berbanding skim persaraan sedia ada.

"Kita tidak nampak FPB ini menyediakan pakej lebih baik dari segi perundangan dan kebaikannya, jadi bagaimana kita mahu mengatakan ya (bersetujuan)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu di sini semalam.

Mesyuarat dengan kehadiran tertinggi, diadakan untuk membuat keputusan rasmi Cuepacs mengenai FPB selepas pertemuan kongres itu dengan Timbalan Ketua Pengarah JPA, Datuk Ahmad Said yang memberi penjelasan mengenai skim berkenaan, akhir bulan lalu.

Antara lain, Ahmad menyatakan pelaksanaan skim itu kerana kerajaan menanggung beban tinggi bagi membiayai pencen 500,000 pesara kerajaan.

Mengikut cadangan itu, kakitangan awam dikehendaki men-carum 11 peratus, manakala kerajaan pula 12 peratus dalam Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), sekali gus membebaskan mereka.

Omar berkata, selaku badan tertinggi sektor awam mewakili 1.2 juta kakitangan secara tetap dan berpencen mengikut Akta Pencen, Cuepacs tidak mahu kakitangan awam akan datang menyalahkan badan itu kerana menerima skim yang tidak menguntungkan mereka.

Mengenai PTK pula, Omar berkata, Majlis Kongres sudah menolak pelaksanaannya selepas sebulan dilaksanakan.

“ Kita tidak nampak FPB menyediakan pakej lebih baik dari segi perundangan dan kebaikannya, jadi bagaimana kita mahu menyatakan ya”

Omar Osman
Presiden Cuepacs